

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD

Rujukan Kami : MN/CIR/0010/2025

25th November 2025

Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BANJIR DI MUSIM TENGGUJUH

Jabatan Metereologi Malaysia telah mengeluarkan kenyataan bahawa luruan monsun dijangka memasuki rantau Malaysia bermula daripada 24hb November 2025 sehingga 27hb November 2025. Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan lebat dan angin kencang berterusan di timur Semenanjung didalam tempoh tersebut.

Setakat sehingga hari ini 8 negeri telah disahkan mengalami banjir kilat iaitu Kelantan, Perak, Terengganu, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak. Berberapa Pusat Pemindahan Sementara telah dibuka di negeri-negeri berkenaan untuk menyantuni mangsa-mangsa banjir yang memerlukan bantuan kemanusiaan.

Kami menyarankan beberapa tips kepada ahli-ahli untuk membuat beberapa persediaan awal sekiranya kawasan tempat tinggal mereka menunjukkan tanda-tanda bakal dinaiki air banjir.

1. Sediakan beg kecemasan yang mempunyai makanan kering seperti biskut dan roti, air minuman, ubat-ubatan, lampu suluh, bateri dan bank kuasa untuk mengecas telefon, wisel dan kit pertolongan cemas.
2. Pastikan dokumen-dokumen penting serta telefon bimbit disimpan didalam bekas kalis air.
3. Sentiasa bersedia dan peka dengan pengumuman kerajaan di media sosial berkenaan situasi semasa.
4. Pastikan pihak pengurusan bank diberitahu dengan kadar segera sekiranya berlakunya banjir untuk tindakan bantuan segera.

Sekiranya ada ahli-ahli yang ingin mendapatkan bantuan sebelum dan selepas banjir, wakil-wakil kami dari segenap Region bersedia untuk membantu. Ahli-ahli boleh menghubungi wakil-wakil kami melalui nombor-nombor telefon yang berikut:

1. REGION PKP (PENANG,KEDAH,PERLIS)	ENCIK MOHAMAD SHAMSUL	NO TEL: 0134020455
2. REGION PKT (PAHANG,KELANTAN,TERENGGANU)	ENCIK KHAIRULSYAH	NO TEL: 0139366060
3. REGION SNS (SELANGOR,NEGERI SEMBILAN)	ENCIK FAZLY HAMID	NO TEL: 0122775934
4. REGION JM (JOHOR,MELAKA)	ENCIK KAMARUDIN	NO TEL: 0136014322
5. REGION WP (WILAYAH PERSEKUTUAN)	ENCIK ABDULLAH SYAM	NO TEL: 0137070662
6. REGION PRK (PERAK)	ENCIK ZAKRI IDRUS	NO TEL: 0162700016



JESNI MAHMOOD
SETIAUSAHA
KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF
MALAYAN BANKING BERHAD (MAYNEU)

s.k. Presiden, MAYNEU